

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10/6/2011

Guru disaran guna *brain based learning*

KUALA LUMPUR 9 Jun - Guru-guru disaran menggunakan kaedah *brain based learning* dalam usaha melahirkan pelajar yang pintar dalam menuntut ilmu dan mendapat hasil pembelajaran yang baik.

Isteri bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali berkata, guru-guru juga perlu mencintai ilmu supaya mereka dapat memupuk perasaan yang sama di kalangan pelajar-pelajar mereka dengan lebih mudah dan berkesan.

"Walaupun memupuk tabiat mencintai ilmu bukan satu perkara mudah, namun dengan pelbagai kaedah dan bahan yang tersedia, guru-guru boleh mencapai hasrat tersebut," katanya ketika berucap melancarkan siri *Memory Booster* dan 123 Amalan Belajar Cemerlang yang diterbitkan oleh

Oxford Fajar Sdn. Bhd. di sini baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pengurus Besar Yayasan Kepimpinan Perdana, Zarina Bakar.

Siti Hasmah menambah, peranan guru kini bukan sekadar menyampaikan maklumat tetapi juga sebagai fasilitator, pendorong dan penggerak supaya pelajar dapat dilatih untuk mengakses pengetahuan dengan sendiri, menyimpan pengetahuan itu serta dikeluarkan apabila diperlukan.'

Beliau turut memuji usaha Oxford Fajar membimbing lebih 150 guru dalam bengkel teknik peningkatan daya ingatan yang dikendalikan oleh pemegang rekod Daya Ingatan Asia, Lim Teck Hoe.

Teknik yang berkonsepkan pembelajaran asas minda itu mengkehendaki guru memahami kesan sinergi antara otak kiri dan

kanan dan bagaimana maklumat diterima, disimpan dan diingat semula supaya ia dapat diaplikasi kepada pelajar mereka.

Siti Hasmah berharap panduan belajar itu bukan sahaja dapat membantu pelajar menelaah dengan lebih efektif menerusi penggunaan kad belajar yang mengandungi carta, graf dan ilustrasi.

Sementara itu, Pengarah Urusan Oxford Fajar, Sharmini Nagulan berkata, *Memory Booster* diterbitkan buat kali pertama pada tahun lalu melibatkan tiga mata pelajaran.

Katanya, berikutan sambutan yang menggalakkan, pihaknya mengeluarkan beberapa tajuk lagi merangkumi mata pelajaran utama dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).



ZARINA Bakar menandatangani replika siri *Memory Booster* sambil disaksikan oleh Sharmini Nagulan (kiri) dan Lim Teck Hoe (kanan) pada majlis pelancaran produk itu di Kuala Lumpur, baru-baru ini.